



Presiden Kelab Veteran Komando Malaysia, Datuk Mohd Ali Shamsudin (dua dari kanan) **bertukar memorandum persefahaman** dengan Presiden Asia e University, Datuk Ansary Ahmed selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman dan pelancaran Smart Team Banjir KVKM di Rumah Kelab Veteran Komando di Jalan Kelantan, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

[FOTO HAFIZ SOHAIMI/BH]

Peluang ahli kelab komando dapat diploma

» AeU pilihan tepat individu berkerjaya lanjut pelajaran

Sebagai langkah membantu memacu pertumbuhan ekonomi ahli, Asia e University (AeU) memeterai perjanjian usahasama dengan Kelab Veteran Komando Malaysia iaitu menawarkan program CARE kepada semua ahli yang berminat memperoleh Sijil Diploma Tahap 4.

Program CARE adalah satu inisiatif AeU bagi menyahut seruan Kementerian Sumber Manusia untuk menaik taraf serta mempertingkatkan kemahiran pekerja di Malaysia berdasarkan pengalaman dan pembelajaran yang telah dilalui pekerja.

Program Diploma Tahap 4 ini adalah berdasarkan Pengiktirafan Pengalaman Terdahulu atau *Recognition of Prior Experience* (RPE) oleh pihak Kementerian Sumber Manusia.

Pihak AeU akan menimbang pelbagai aspek meliputi pengalaman kerja, kursus yang telah dihadiri dan segala aktiviti berkaitan bagi membolehkan peserta memperoleh sijil diploma eksekutif dari universiti sekiranya memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

Teroka potensi masa depan
Justeru, pihak kelab yakin dengan adanya program Sijil Diploma tahap 4 ini, ramai ahli kelab mampu mendepani cabaran ekonomi semasa dengan lebih mapan, seterusnya meneroka segala potensi masa depan.

AeU adalah universiti terbuka yang ditubuhkan melalui usahasama rundingan meja bulat *Asia Cooperative Dialogue* oleh 33 negara di Asia. AeU

menjadi rakan akademik yang tepat kerana satu-satunya universiti yang menerajui pembelajaran sepanjang hayat atau *Life Long Learning*. AeU mempunyai pendekatan pembelajaran yang sangat mesra dan anjal untuk individu berjaya dan kaedah diaplikasikan AeU membolehkan ahli kelab belajar sambil bekerja.

Universiti multinasional

AeU turut diperkasakan dengan jaringan kerjasama yang

amat baik di rantau Asia dan

kelebihan ini akan membuka

lebih banyak peluang pembela-

ajaran pada masa depan buat

ahli-ahli kelab komando mendapat sijil tambahan.

Program ini direka khas untuk membantu semua rakyat Malaysia, terutamanya pegawai kerajaan yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pekerjaan masing masing tetapi tidak mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran bagi memperolehi sijil Diploma, Ijazah maupun Sarjana.

AeU adalah sebuah univer-

siti multinasional yang ditu-

buhkan di bawah naungan 33

negara *Asia Cooperation Di-*

alogue Countries (ACD). AeU

telah melakar reputasinya se-

bagai sebuah institusi e-pem-

belajaran yang diiktiraf seba-

gia sebagai sebuah institusi yang ber-

pemikiran ke hadapan.

Semua program pengajian bertaraf antarabangsa dan diukur berdasarkan tanda aras yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia serta diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).